
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 2003/2004

Februari/Mac 2004

RMK 252 – PENGANTAR PENGURUSAN PROJEK

Masa: 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **LIMA** muka surat yang tercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **LIMA** soalan sahaja. Soalan **Bahagian A** adalah **WAJIB**, jawab **DUA** soalan dari **Bahagian B** dan **DUA** soalan dari **Bahagian C**.

Bahagian A (WAJIB)

1. Terangkan istilah-istilah berikut dalam konteks pengurusan dan organisasi.
 - (i) Objektif projek
 - (ii) Keberkesanan
 - (iii) Sinergi
 - (iv) Entropi negatif
 - (v) 'Equifinality'
 - (vi) Sistem terbuka
 - (vii) Sempadan system
 - (viii) Proses pengurusan
 - (ix) Pengurusan tahap strategic
 - (x) Organisasi sementara

(20 markah)

Bahagian B (Jawab DUA soalan sahaja)

2. Pengurusan adalah kerja mental yang dilakukan oleh seseorang di dalam konteks sesebuah organisasi. Ia merupakan satu subsistem utama dalam sesebuah system organisasi. Ia merangkumi keseluruhan organisasi serta merupakan daya penting dalam menghubungkan kesemua subsistem yang lain.

Bincangkan pernyataan di atas dengan menghubungkait dengan binaan.

(20 markah)

3. Takrifkan konsep kepimpinan dan hubungkan dengan konsep pengaruh.

Banding dan bezakan gaya kepimpinan authokratik, demokratik dan "laissez-faire.

Gaya kepimpinan yang manakah patut seseorang pengurus projek gunakan semasa mengurus projek binaan.

(20 markah)

4. Terangkan evolusi teori-teori pengurusan dan organisasi. Apakah faktor-faktor alam persekitaran yang menyebabkan pertumbuhan dan perkembangan setiap satu daripada tiga pemikiran utama tersebut.

Bincangkan kekuatan dan kelemahan setiap teori tersebut.

(20 markah)

...3/-

5. Apakah yang dapat anda ertikan dengan struktur organisasi?

Bandingkan dengan terperinci struktur mekanistik dengan organik.

Bagaimanakah sesebuah organisasi itu boleh mencapai lebih pembezaan dan integrasi yang berkesan

(20 markah)

Bahagian C (Jawab DUA soalan sahaja)

6. Sediakan Jadual Aliran Tunai, Geraf Aliran Tunai dan Keluk Kos Masa berdasarkan maklumat projek yang berikut:

Harga Tender	:	RM500,000
Margin Keuntungan	:	20%
Tempoh Projek	:	9 bulan
Nilai Simpanan	:	5%
Tempoh membaiki kecacatan	:	6 bulan

Andaikan keuntungan diagih sama rata sepanjang tempoh projek dan bayaran kemajuan dibayar sebulan selepas tuntutan.

(20 markah)

7. Sediakan satu carta garisan seimbang untuk satu skim perumahan berdasarkan butir-butir berikut:

Bil.	Aktiviti	Jam Kerja/Unit	Bilangan Pekerja Setiap Aktiviti
1.	Asas	Jam 140	4 pekerja
2.	Struktur	Jam 300	10 pekerja
3.	Dinding	Jam 160	4 pekerja
4.	Paip	Jam 60	4 pekerja
5.	Elektrik	Jam 60	2 pekerja
6.	Kemasan	Jam 160	6 pekerja

- bilangan unit rumah = 150 unit
- kadar output = 5 unit seminggu
- masa perantaraan = 5 hari
- masa kerja 8 jam sehari dan 6 hari seminggu

(20 markah)

...4/-

8. **Rajah 1** menunjukkan Rangkaian Kerja untuk sebuah projek tertentu. Nombor aktiviti, jangka waktu aktiviti serta jumlah tenaga kerja yang diperlukan untuk setiap aktiviti adalah seperti yang ditunjukkan dalam rajah tersebut.

Berdasarkan kepada maklumat yang diberi;

- (a) Kira dan isikan ruang-ruang kosong dalam **Rajah** tersebut.
- (b) Lukiskan Rajah Sumber untuk projek berkenaan berdasarkan:
 - (i) Tarikh Mula Terawal
 - (ii) Tarikh Mula Terakhir
 - (iii) Araskan semula sumber tersebut

(20 markah)

-ooo O ooo-

No. Angka Giliran: _____

RAJAH 1

